

Ringkasan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020
PARA PENGARAH

Nama para pengarah Bank yang berkhidmat semenjak peralihan mereka sehingga tarikh laporan ini adalah:

Pengerusi	Datuk Karownikaran @ Karunikaran
Ahli-Ahli	Datuk Abdul Farid bin Alias
	Encik Anthony Brent Elam
	Encik Spencer Lee Tien Chye
	Encik Wong Heng Ning Kevin
	Encik Lee Yong Guan
	Encik Renato Tinio De Guzman

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2020

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Aset-Aset		
Wang tunai dan baki dengan bank pusat	1,269,852	1,144,435
Sekuriti dan bil perbendaharaan kerajaan Singapura	5,587,554	4,581,588
Sekuriti hutang	249,190	130,336
Baki dan penempatan dengan dan pinjaman kepada bank-bank	7,530,699	5,563,209
Bil-bil belum terima	8,583	29,441
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan bukan bank	22,374,154	21,965,778
Jumlah belum dibayar daripada perbadanan berkaitan	1,283,883	3,772,013
Aset-aset lain	311,926	398,570
Aset-aset tidak ketara	100,103	100,980
Aset-aset hak guna	52,735	51,823
Hartanah dan peralatan	20,462	17,570
Jumlah aset	38,789,141	37,755,743

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Liabiliti-liabiliti		
Deposit dan baki kepada bank	149,700	99,600
Jumlah belum dibayar kepada bank pusat	955,735	-
Deposit pelanggan-pelanggan bukan bank	34,599,709	34,648,682
Bil-bil belum bayar	78,400	59,573
Jumlah belum dibayar kepada perbadanan berkaitan	7,037	4,792
Cukai pendapatan semasa belum dibayar	12,234	40,278
Liabiliti lain	382,345	300,109
Liabiliti pajakan	52,426	51,392
Liabiliti cukai tertunda	17,844	11,411
Nota subordinat	500,000	-
Jumlah liabiliti	36,755,430	35,215,837

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Ekuiti untuk pemilik		
Modal saham	2,000,000	2,400,000
Keuntungan terkumpul	4,634	136,845
Rizab pelarasan nilai saksama	29,077	3,061
Jumlah ekuiti untuk pemilik	2,033,711	2,539,906

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Jumlah liabiliti dan ekuiti untuk pemilik	38,789,141	37,755,743

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Butiran di luar kunci kira-kira		
Liabiliti kontigensi	243,357	352,019
Komitmen	8,427,015	7,934,495
Derivatif kewangan (nosional)	4,857,908	8,414,367
Jumlah butiran di luar kunci kira-kira	13,528,280	16,700,881

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Pendapatan faedah	727,586	947,125
Perbelanjaan faedah	(405,250)	(466,464)
Pendapatan faedah bersih	322,336	480,661
Pendapatan yuran dan komisen	222,502	225,160
Perbelanjaan yuran dan komisen	(36,248)	(41,081)
Pendapatan yuran dan komisen bersih	186,254	184,079

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Keuntungan perdagangan dan pendapatan pertukaran asing	17,210	21,440
Pendapatan lain	69,380	34,790
Jumlah pendapatan butiran lain	86,590	56,230

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Pendapatan sebelum perbelanjaan operasi	595,180	720,970

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Kos kakitangan	(258,928)	(246,900)
Perbelanjaan operasi lain	(149,660)	(158,627)
Keuntungan operasi sebelum rosot nilai	186,592	315,443

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan	(148,808)	(53,570)
Keuntungan sebelum cukai	37,784	261,873

Dasar perakaunan dan nota keterangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan yang telah diaudit. Pemahaman lengkap mengenai penyata dan keadaan bank tidak dapat diperolehi tanpa merujuk kepada penyata kewangan lengkap bank yang telah diaudit. Penyata kewangan berkanun dan nota kepada akaun boleh didapati atas permintaan daripada cawangan-cawangan kami dan dipaparkan di laman web Maybank.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMB.)

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Cukai	(3,195)	(44,044)
Keuntungan bersih selepas cukai	34,589	217,829

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Keuntungan tahun untuk pemilik	34,589	217,829

Pendapatan komprehensif lain
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kemudiannya kepada untung dan rugi

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Perubahan bersih dalam nilai saksama bagi sekuriti hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")	39,964	4,029
Perubahan dalam peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka bagi sekuriti hutang pada FVOCI	106	108
Pengelasan semula kepada untung atau rugi	(9,148)	(1,636)
Cukai pendapatan berkaitan komponen-komponen bagi pendapatan komprehensif lain	(4,906)	448
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun, bersih dari cukai pendapatan	26,016	2,949

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	60,605	220,778
Jumlah pendapatan komprehensif untuk pemilik	60,605	220,778

NISBAH KECUKUPAN MODAL

Nisbah kecukupan modal dan komponen modal Bank adalah seperti berikut:

- Modal CET 1 terdiri daripada modal saham biasa dibayar penuh.
- Modal Tambahan Tahap 1 - Tiada dalam Tahun Kewangan 2020.
- Modal Tahap 2 terdiri daripada peruntukan perakaunan melebihi kerugian Notis 637 MAS yang dijangka.

	2020 %	2019 %
Nisbah modal CET 1	13.937	18.195
Nisbah modal Tahap 1	13.937	18.195
Jumlah nisbah modal	18.081	18.497

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Modal saham	2,000,000	2,400,000
Rizab yang dinyatakan	33,342	139,644
Pelarasan kawal selia	-	(22,149)
Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1")	2,033,342	2,517,495

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Modal Tambahan Tahap 1	-	-
Modal Tahap 1	2,033,342	2,517,495
Modal Tahap 2	-	-
Nota subordinat	500,000	-
Peruntukan	104,448	41,715
Jumlah modal layak	2,637,790	2,559,210

	2020 S\$'000	2019 S\$'000
Jumlah Aset Berwajaran Risiko (RWA) selepas penyesuaian batas bawah	14,589,012	13,836,000

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Ahli-Ahli Maybank Singapore Limited

Laporan mengenai audit penyata-penyata kewangan

Pendapat
Kami telah mengaudit penyata-penyata kewangan Maybank Singapore Limited ("Bank"), mengikut Seksyen 373 Akta Syarikat Singapura, Bab 50 ("Akta"), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran wang tunai Bank bagi tahun kewangan yang berakhir, serta nota-nota kepada penyata-penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan penting.

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan yang disertakan ini telah disediakan dengan betul mengikut peruntukan Akta Syarikat, Bab 50 (Akta) dan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) di Singapura agar dapat memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti serta aliran tunai Bank bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Asas pendapat
Kami telah melaksanakan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Singapura (SSA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami bebas daripada Bank mengikut Tatakelakuan dan Etika Profesional bagi Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan oleh Penguasa Pengawalan Perakaunan dan Korporat (ACRA) (Kod ACRA) bersama-sama dengan keperluan etika yang berkaitan dengan audit kami terhadap penyata kewangan di Singapura, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut keperluan ini dan Kod ACRA. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas pendapat kami.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMB.)

Maklumat lain
Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi maklumat umum, penyata para pengarah dan maklumat tambahan, tetapi tidak termasuk penyata-penyata kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami ke atas penyata-penyata kewangan tersebut tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya.

Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata-penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu tidak selaras secara ketara dengan penyata-penyata kewangan atau pengetahuan yang kami perolehi daripada audit atau sebaliknya menampakkan salah nyata ketara. Jika, dari hasil kerja yang kami lakukan, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata ketara dalam maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Para Pengarah terhadap penyata kewangan
Pihak pengurusan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata-penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama mengikut peruntukan Akta tersebut dan FRS, serta merangka dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberi jaminan munasabah bahawa aset-aset dilindungi daripada kerugian akibat kegunaan tanpa kebenaran atau pelupusan; dan urus niaga mendapat kebenaran yang betul dan direkod seperti yang diperlukan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama serta mengekalkan keberanggungjawaban bagi aset.

Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pihak pengurusan sama ada berhasrat untuk membubarkan Bank atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab pengarah termasuklah menyelia proses pelaporan kewangan Bank.

Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan

Tanggungjawab kami adalah untuk memperoleh jaminan munasabah mengenai penyata-penyata kewangan secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan mengikut SSA akan sentiasa mengenal pasti salah nyata ketara sekiranya ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan penyata-penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan SSA, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk memberi asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata ketara yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, penyata salah atau pelanggaran kawalan dalaman.
- Memperolehi kefahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Menyimpulkan mengenai kesesuaian menggunakan asas perakaunan usaha berterusan daripada pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian ketara wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan besar ke atas keupayaan Bank untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Bank untuk berhenti sebagai usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata-penyata kewangan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata-penyata kewangan ini menunjukkan asas urus niaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan audit penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Laporan mengenai keperluan perundangan dan kawal selia lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain yang perlu disimpan oleh Bank mengikut Akta tersebut telah disimpan dengan betul mengikut peruntukan Akta tersebut.

Ernst & Young LLP
Public Accountants and
Chartered Accountants
Singapore
19-Feb-21

Ini adalah terjemahan Bahasa Melayu untuk penyata-penyata kewangan ringkas Maybank Singapore Limited yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli Maybank Singapore Limited yang fasih dalam Bahasa Melayu untuk memahami sepenuhnya penyata-penyata kewangan ringkas berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata-penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.